

## SENTRAL

# Pertingkat kesedaran patuhi undang-undang jalan raya

**NILAI** – Kesedaran kepentingan kawalan sendiri berhubung pematuhan peraturan dan undang-undang lalu lintas wajar dipertingkatkan dalam kalangan generasi muda.

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Perpaduan dan Integrasi Nasional negeri, Datuk Ismail Lasim berkata, kesedaran itu penting memandangkan sikap tidak ambil kisah pengguna jalan raya menjadi punca kejadian kemalangan berlaku.

“Kempen keselamatan jalan raya seperti ini merupakan salah satu medium untuk



**Ismail mengibarkan bendera ketika melancarkan Kempen Keselamatan Jalan Raya dan 'Long Short Walk' Peringkat Negeri Sembilan di Usim, semalam.**

menyampaikan mesej kepada pengguna dalam menyokong inisiatif kerajaan mengurangkan kemalangan maut,” katanya selepas melancarkan Kempen Keselamatan Jalan

Raya dan 'Long Short Walk' Peringkat Negeri Sembilan di Dewan Kuliah Fakulti, Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia (Usim), di sini, semalam.